



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2025

PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PK 2.21 – KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2025 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

30 Disember 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (74)

30 Disember 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 12/2025

PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PK 2.21 – KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2025 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka khusus bagi perolehan kerja.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha untuk merancakkan aktiviti ekonomi agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara serta kesejahteraan Rakyat.
- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 iaitu Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 diterbitkan oleh MOF yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025.
- 2.3 Kementerian Kewangan berpandangan kelonggaran yang diberikan mulai beberapa tahun yang lalu masih relevan untuk diteruskan bagi menyokong pertumbuhan dan merangsang ekonomi negara ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta usaha berterusan Kerajaan memacu kebijakan ekonomi.

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 11/2025 yang telah bersidang pada 28 November 2025 telah meluluskan Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi perolehan kerja.

3.0 CADANGAN PEMAKAIAN DI UTeM

3.1 Berdasarkan kepada Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 seperti di **Lampiran 1**.

3.2 Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 bagi mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga berbanding tender.

3.3 Kaedah dan had nilai perolehan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut;

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai PK 2.21
1.	Lantikan Terus	Sehingga RM50 ribu
2.	Lantikan Terus (Khusus bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil Sahaja)	Sehingga RM200 ribu
3.	Sebut Harga	Melebihi RM50 ribu hingga RM200 ribu
		Melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu
		Melebihi RM500 ribu hingga RM3 Juta
4.	Tender	Melebihi RM3 juta

3.4 Pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik bagi projek bernilai sehingga RM1 juta. UTeM bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

- 3.5 Tatacara perolehan adalah seperti mana peraturan PKPU Bab C – Kaedah Perolehan Kerja yang telah berkuat kuasa seterusnya had kuasa pembayaran adalah tertakluk Manual Had Kuasa Kewangan PKPU.
- 3.6 Pekeliling ini akan dikemas kini dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti dijadikan sebagai lampiran di Bab C – Kaedah Perolehan Kerja Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


- 4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2 Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka khusus bagi perolehan kerja ini diguna pakai **berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2025**.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,


SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
FARAUPB/PK2.21